

ANALISIS PENGGUNAAN WANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (PTPTN) DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Normala Ismail
Pensyarah Ekonomi
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
E – Mel : nmala391@kedah.uitm.edu.my

Noor Saliza Zainal
Pensyarah Pusat Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
E – Mel : saliza351@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti secara empirik corak penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar UiTM. Kajian ini turut meneliti sejauh mana kesedaran mereka terhadap penggunaan wang PTPTN berdasarkan kepada program pengajian, Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG), bahagian pengajian kini, kampus cawangan UiTM dan pendapatan bulanan keluarga. Sampel kajian terdiri daripada 341 orang pelajar peringkat Diploma semester dua hingga enam pelbagai fakulti daripada tiga kampus cawangan UiTM meliputi cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kajian ini adalah merupakan satu kajian lapangan berdasarkan kepada kajian rentas. Data dikutip dengan mengedarkan soal selidik setelah memperolehi kebenaran daripada pengurusan universiti. Unit analisis pula terdiri daripada pelajar yang respons kepada penyelidikan. Data dianalisis dan diproses menggunakan kaedah Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 11.0. Kajian ini turut mengkategorikan penggunaan wang PTPTN pelajar kepada dua kumpulan iaitu pelajar merancang dan pelajar tidak merancang. Wang PTPTN dibelanjakan oleh pelajar untuk keperluan akademik wajib, keperluan akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian. Hasil analisis regresi berganda mendapati bahawa perbelanjaan persendirian merupakan faktor paling dominan mempengaruhi jumlah keseluruhan penggunaan wang PTPTN oleh pelajar yang merancang dan pelajar yang tidak merancang. Seterusnya, hasil analisis varians menunjukkan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN bagi kedua – dua kategori berbeza atas tiga faktor yang sama iaitu kampus cawangan UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian. Keputusan ujian Post Hoc pula mendapati program pengajian Diploma Kejuruteraan, UiTM cawangan Pulau Pinang dan pelajar – pelajar bahagian enam mempunyai perbezaan paling ketara dalam perbelanjaan berbanding dengan yang lain. Kajian ini mencadangkan supaya kajian masa hadapan diteruskan dengan meluaskan skop kajian kepada semua bentuk pinjaman dan meliputi pelajar – pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang lain.

PENGENALAN

PTPTN telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Pendidikan Tinggi Negara dan ianya mula beroperasi pada 1 November 1997. Perbadanan ini bertanggungjawab mentadbir dan mengendalikan Tabung Pendidikan bagi memberi pinjaman kepada pelajar yang layak mengikuti kursus di IPTA dan pelajar Bumiputera di IPTS. Jumlah pinjaman yang diberikan pula meliputi yuran pengajian dan sara hidup.

Amaun pinjaman PTPTN yang diberikan kepada pelajar aliran sains IPTA yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama ialah di antara RM3,500 hingga RM7,000, bagi pelajar aliran sastera pula di antara RM3,000 hingga RM6,500 dan RM2,500 hingga RM5,000 setahun bagi pelajar di peringkat Diploma. Manakala bagi pelajar – pelajar IPTS amaunnya ialah di antara RM8,500 hingga RM20,000 setahun bagi pelajar peringkat Ijazah Pertama aliran sains, RM8,000 hingga RM16,000 setahun bagi peringkat aliran sastera dan RM3,500 hingga RM5,000 setahun bagi pelajar di peringkat Diploma.

Bagi memastikan Tabung Pinjaman dapat beroperasi dengan berkesan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM625.30 juta untuk tiga tahun pertama, iaitu RM98.60 juta bagi tahun 1997, RM205.30 juta bagi tahun 1998 dan RM321.30 juta bagi tahun 1999. Jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat kemudahan daripada skim pinjaman wang PTPTN ini adalah seramai 276,000 orang pada tahun 2001. Sehingga kini hampir RM2.90 billion telah digunakan untuk membiayai pinjaman pelajar termasuklah sebanyak RM467 juta pada tahun 2001 (Utusan Malaysia, 7 Ogos 2001).

Pinjaman wang PTPTN yang diberikan oleh Kerajaan ini seharusnya dibelanjakan secara bijak oleh pelajar. Namun, melalui temuramah dan pemerhatian secara tidak formal terhadap sebilangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mendapati bahawa lebih kurang 60% hingga 70% daripada wang PTPTN telah dibelanjakan oleh mereka untuk tujuan bukan akademik seperti membeli motorsikal, telefon bimbit, hiburan, alat – alat kosmetik dan saraan ibu bapa. Maklum balas yang diperolehi daripada para pensyarah pula mendapati bahawa apabila pelajar – pelajar disuruh membeli buku teks atau buku rujukan, seringkali alasan yang diberikan adalah wang tidak mencukupi.

PENYATAAN MASALAH

Semenjak pinjaman wang PTPTN diperkenalkan oleh Kerajaan, terdapat pelbagai isu dan permasalahan berkaitan dengannya telah ditimbulkan. Kebanyakannya melibatkan aspek pengurusan dana, IPT dan prosedur pinjaman. Namun sehingga kini, tiada isu atau persoalan berkaitan dengan penggunaan atau corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan pelajar IPT dibangkitkan. Justeru itu, kajian ini dianggap perintis bagi menilai dan menjamin matlamat utama peruntukan wang PTPTN dapat direalisasikan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- (a) Melihat penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar daripada tiga kampus cawangan UiTM meliputi cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
- (b) Mengenal pasti tahap kesedaran penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar daripada kampus cawangan UiTM Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
- (c) Mengemukakan cadangan dan penyelesaian kepada masalah yang telah dikenal pasti.

HIPOTESIS KAJIAN

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak lima hipotesis telah dibentuk. Hipotesis – hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

- Hipotesis 1 : Tiada perbezaan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.
- Hipotesis 2 : Tiada perbezaan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang.
- Hipotesis 3 : Tahap kesedaran penggunaan wang PTPTN di kalangan para pelajar adalah sama tanpa mengambil kira program pengajian, bahagian pengajian kini, pendapatan bulanan keluarga, cawangan kampus UiTM dan HPNG.
- Hipotesis 4 : Tiada hubungan di antara perbelanjaan akademik wajib, akademik tidak wajib dan jumlah perbelanjaan persendirian pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang.
- Hipotesis 5 : Tiada hubungan di antara perbelanjaan akademik wajib, akademik tidak wajib dan jumlah perbelanjaan persendirian pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang.

DEFINISI PEMBOLEHUBAH DAN PENGUKURAN

Penggunaan Wang PTPTN

Dalam kajian ini, penggunaan wang PTPTN berfungsi sebagai satu pembolehubah bersandar yang akan dilihat pengaruhnya daripada set pembolehubah tidak bersandar seperti perbelanjaan akademik dan perbelanjaan persendirian.

Perbelanjaan Akademik

Perbelanjaan akademik dikategorikan kepada dua iaitu perbelanjaan akademik wajib dan perbelanjaan akademik tidak wajib. Ianya merujuk kepada wang PTPTN yang dibelanjakan untuk tujuan akademik seperti membayar yuran pendaftaran pengajian, membeli buku teks mahupun peralatan tulis. Dalam kajian ini, perbelanjaan akademik berperanan sebagai pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi pembolehubah bersandar.

Perbelanjaan Persendirian

Perbelanjaan persendirian pula merujuk kepada wang PTPTN yang dibelanjakan untuk tujuan bukan akademik seperti membeli makanan, minuman, perapihan diri, pakaian, kosmetik, telefon bimbit dan lain – lain. Faktor ini berfungsi sebagai pembolehubah tidak bersandar yang mengkategorikan penggunaan wang PTPTN pelajar kepada dua kumpulan iaitu pelajar yang merancang dan pelajar yang tidak merancang.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Persampelan


Kajian ini melibatkan pelajar – pelajar peringkat Diploma Semester Mei – Oktober 2002 dari UiTM. Pemilihan pelajar adalah mengikut UiTM Zon Utara iaitu cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Unit analisis pula adalah terdiri daripada pelajar – pelajar bahagian dua hingga bahagian enam peringkat Diploma yang menerima pinjaman wang PTPTN iaitu Diploma Pengurusan Perniagaan (DBS), Diploma Pengurusan Perbankan (DIB), Diploma Pentadbiran Awam (DPA), Diploma Perakaunan (DIA) dan Diploma Kejuruteraan (DIE). Kaedah persampelan rawak nisbah berstrata telah digunakan dalam kajian ini bagi memastikan para pelajar dari program – program tersebut dipilih sebagai responden.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan di mana satu pembolehubah bersandar dan beberapa pembolehubah tidak bersandar dikaji di kalangan responden. Data dan maklumat kajian adalah berdasarkan jawapan dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Sebanyak 450 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar terbabit. Daripada jumlah tersebut sebanyak 341 borang (76%) sesuai bagi tujuan analisis kajian. Struktur soal selidik dan model rekabentuk kajian ditunjukkan dalam jadual dan carta di bawah.

Jadual 1 : Struktur Soal Selidik

| Bahagian | Perkara |
|----------|---------------------------------|
| 1 | Latar Belakang |
| 2 | Pengajian di UiTM |
| 3 | Latar Belakang Keluarga |
| 4 | Pendidikan Sekolah Menengah |
| 5 | Penggunaan Wang PTPTN |
| 6 | Kesedaran Penggunaan Wang PTPTN |
| 7 | Tanggapan |



Carta 1 : Model Rekabentuk Kajian

ANALISIS DATA

Data dari kajian ini dianalisis menggunakan pakej SPSS versi 11.0. Oleh itu taburan frekuensi dan peratusan data nominal digunakan untuk menggambarkan persampelan. Analisis faktor digunakan bagi mengukur kesahihan data interval. Seterusnya teknik kebolehpercayaan Cronbach Alpha digunakan bagi mengukur kebolehpercayaan faktor – faktor tersebut di mana kebolehpercayaannya akan diterima jika nilai Alpha melebihi 0.60. Kesemua faktor tersebut

kemudiannya dikelompokkan dan dinamakan sebagai pembolehubah baru. Interkorelasi di kalangan pembolehubah pula diuji melalui Korelasi Pearson.

Bagi menguji hipotesis 1 dan 2, ujian – t pasangan digunakan untuk membandingkan perbezaan jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang dan yang tidak dirancang. Hipotesis 3 diuji menggunakan analisis varians ANOVA untuk melihat perbandingan perbezaan tahap kesedaran penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar yang merancang dan pelajar yang tidak merancang. Seterusnya ujian Post Hoc telah digunakan untuk melihat perbezaan min jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang dan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang di kalangan faktor program pengajian, bahagian pengajian kini, kampus cawangan UiTM, pendapatan bulanan keluarga dan HPNG. Analisis Regresi Berganda dilakukan untuk menguji hipotesis 4 dan 5 yang menyatakan bahawa perbelanjaan akademik wajib, akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian berhubungan signifikan dengan jumlah keseluruhan penggunaan wang PTPTN oleh pelajar yang merancang dan pelajar yang tidak merancang.

ANALISIS DESKRIPTIF

Responden bagi kajian ini terdiri daripada para pelajar peringkat Diploma daripada UiTM Zon Utara, iaitu cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Data telah dikutip daripada 341 responden dan ia menunjukkan 44.3% adalah lelaki dan 55.7% pula perempuan. Seterusnya berdasarkan cawangan UiTM, 156 adalah pelajar dari Kedah, 91 pelajar dari Pulau Pinang dan 94 pelajar lagi dari Perlis.

Jadual 2 : Jumlah Pelajar Mengikut Cawangan UiTM

| Cawangan | Bilangan | Peratus |
|---------------------|-----------------|----------------|
| Kedah | 156 | 45.7 |
| Pulau Pinang | 91 | 26.7 |
| Perlis | 94 | 27.6 |

Para pelajar ini terdiri daripada pelajar program pengajian DBS 23.2%, DIB 21.1%, DIA pula 14.4%, DIE 34.6% dan DPA ialah 6.7%.

Jadual 3 : Jumlah Pelajar Mengikut Program Pengajian

| Program Pengajian | DBS | DIB | DIA | DIE | DPA |
|--------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| Bilangan | 79 | 72 | 49 | 118 | 23 |
| Peratus | 23.2 | 21.1 | 14.4 | 34.6 | 6.7 |

Dari segi rekod pencapaian HPNG pula data menunjukkan bahawa 7% pelajar mendapat HPNG 3.50 – 4.00, 28.7% pelajar mendapat 3.00 – 3.49, 45.5% pelajar mendapat 2.50 – 2.99, 17.9% pelajar memperoleh HPNG 2.00 – 2.49 dan baki 0.9% mencapai HPNG kurang dari 2.00.

Jadual 4 : Pencapaian HPNG Pelajar

| HPNG | 3.50 – 4.00 | 3.00 – 3.49 | 2.50 – 2.99 | 2.00 – 2.49 | Kurang 2.00 |
|-----------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Bilangan | 24 | 98 | 155 | 61 | 3 |
| Peratus | 7 | 28.7 | 45.5 | 17.9 | 0.9 |

ANALISIS KESAHIHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahihan

Kesahihan item pernyataan tersusun dari (1) Amat Setuju hingga (5) Amat Tidak Setuju diuji menggunakan analisis faktor. Keputusan menunjukkan bahawa ujian Barlett's Test of Sphericity adalah signifikan dan ukuran kecukupan persampelan Kaiser – Meyer – Olkin (KMO) pula ialah 0.89. Kommunaliti di kalangan pembolehubah adalah berdasarkan kaedah Principal Axis Factoring (PAF). Keputusan menunjukkan bahawa kesemua item mempunyai komunaliti lebih dari 0.40. Total varians pula dijelaskan dalam tiga peringkat. Pada peringkat awal, ia menunjukkan terdapat empat faktor dengan nilai eigen 6.29, 2.67, 1.81 dan 1.07 dan peratus varians yang dijelaskan pula adalah 31.4, 13.4, 9.0 dan 5.4. Merujuk kepada nilai eigen yang diberikan, maka dianggarkan empat faktor akan diekstrakkan kerana mempunyai nilai eigen lebih besar daripada 1. Sekiranya keempat – empat faktor tersebut diekstrakkan 59.2% varians dapat dijelaskan. Peringkat kedua seterusnya menunjukkan total varians yang dijelaskan pada peringkat akhir. Juga dipamirkan statistik komunaliti dan faktor setelah keempat – empat faktor diekstrakkan. Nilai eigen bagi faktor – faktor tersebut telah berkurangan kepada 5.8, 2.3, 1.2 dan 0.5 dengan kumulatif peratus varians telah menurun kepada 51.70%. Akhirnya peringkat ketiga pula menunjukkan nilai eigen bagi faktor – faktor setelah putaran dan total varians untuk setiapnya. Nilai eigen berubah kepada 4.9, 2.9, 1.3 dan 1.2 dengan kumulatif peratus varians kekal 51.70%. Seterusnya kaedah putaran Varimax telah digunakan untuk menghasilkan matrik faktor yang mengandungi nilai – nilai koefisien atau muatan faktor yang mewakili korelasi di antara faktor – faktor dan pembolehubah – pembolehubah. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat beberapa pembolehubah tulen yang mempunyai muatan lebih dari 0.3 pada hanya satu faktor. Pembolehubah tulen bagi Faktor 1 terdiri daripada 11 item dengan muatan faktor di antara 0.44 hingga 0.82. Faktor 2 terdiri daripada 3 item dengan muatan faktor di antara 0.69 hingga 0.88. Faktor 3 terdiri daripada 4 item dengan muatan faktor di antara 0.33 hingga 0.65. Akhir sekali Faktor 4, terdapat hanya 1 item dengan muatan faktor 0.48. Bagi memenuhi maksud kajian keempat – empat faktor ini dikodkan semula dengan nama – nama baru. Faktor 1 dilabelkan sebagai Tahap Kesedaran, Faktor 2 dilabelkan sebagai Pengurusan UiTM, Faktor 3 pula ialah Kawalan dan Faktor 4 sebagai Pengaruh.

Kebolehpercayaan

Model Cronbach Alpha digunakan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan soalan – soalan tanggapan yang telah dibentuk secara susunan. Keseluruhannya, terdapat sebanyak dua puluh soalan tanggapan menggunakan lima tahap Skala Likert (1) Amat Setuju hingga (5) Amat Tidak Setuju. Seramai 341 responden telah menyatakan respons mereka terhadap kesemua item tersebut. Keputusan statistik skala menunjukkan nilai min ialah 42.9 dengan sisihan 94.2 dan sisihan piawai 9.71. Keputusan analisis juga menunjukkan koefisien kebolehpercayaan (Alpha) ialah 0.82. Nilai Alpha tersebut adalah lebih besar daripada 0.60. Oleh itu, keseluruhan item tanggapan memenuhi maksud kebolehpercayaan.

ANALISIS UJIAN HIPOTESIS

Hipotesis 1: Ujian – t Pasangan

Keputusan ujian – t pasangan terhadap jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang menunjukkan nilai kebarangkalian p (signifikan) kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$). Oleh itu, hipotesis nul bahawa tiada perbezaan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang adalah ditolak.

Hipotesis 2: Ujian – t Pasangan

Keputusan ujian – t pasangan terhadap jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang menunjukkan nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Ini bermakna hipotesis alternatif bahawa terdapat perbezaan di antara jantina dan lokasi tempat tinggal pelajar dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang adalah diterima.

Hipotesis 3: Analisis Varians ANOVA

Keputusan ANOVA bagi pelajar merancang menunjukkan nilai F statistik bagi HPNG adalah 0.46 dan signifikan (nilai kebarangkalian $p > 0.05$). Ini bermakna hipotesis nul bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang adalah sama tanpa mengambil kira perbezaan HPNG pelajar adalah diterima. Manakala nilai F statistik bagi cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini, program pengajian dan pendapatan keluarga adalah 2.7, 5.7, 10.9 dan 2.9 dan tidak signifikan di mana nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Oleh itu, hipotesis nul bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang adalah berbeza mengikut cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini, program pengajian dan pendapatan keluarga adalah ditolak. Seterusnya ujian Post Hoc menunjukkan bahawa perbezaan min adalah signifikan pada paras keyakinan 0.05 di kalangan cawangan kampus UiTM, program pengajian bahagian pengajian kini dan pendapatan keluarga pelajar. Secara perbandingan pelajar – pelajar bahagian enam, program pengajian DIE, dan cawangan UiTM Pulau Pinang mempunyai perbezaan paling ketara dalam perbelanjaan berbanding dengan yang lain.

Bagi pelajar tidak merancang pula, keputusan ANOVA menunjukkan nilai F statistik bagi pendapatan keluarga adalah 1.4 dan signifikan (nilai kebarangkalian $p (0.22) > 0.05$). Ini bermakna hipotesis nul yang menyatakan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang adalah sama tanpa mengambil kira pendapatan keluarga pelajar adalah diterima. Manakala nilai F statistik bagi HPNG, cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian adalah 5.5, 60.6, 5.3 dan 23.0 dan tidak signifikan di mana nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Oleh itu, hipotesis nul bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang adalah berbeza mengikut cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini, program pengajian dan HPNG adalah ditolak. Seterusnya ujian Post Hoc menunjukkan bahawa perbezaan min adalah signifikan pada paras keyakinan 0.05 di kalangan HPNG, cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian. Secara perbandingan keputusannya menunjukkan program pengajian DIE, pelajar bahagian enam dan cawangan UiTM Pulau Pinang mempunyai perbezaan paling ketara dalam perbelanjaan berbanding dengan yang lain.

Hipotesis 4: Regresi Berganda

Pembolehubah bersandar bagi kajian ini ialah jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang (JKPR) dan set pembolehubah tidak bersandar pula terdiri daripada perbelanjaan akademik wajib (JUMAKAWA), perbelanjaan akademik tidak wajib (JUMAKATW), jumlah perbelanjaan persendirian yang dirancang (JKPERM), kesedaran (KESEDARA), pengaruh (TPARUH), kawalan (TKAWAL) dan pengurusan (TPENGT). Analisis Regresi Berganda berdasarkan Kaedah Penghapusan dari Belakang (Stepwise) digunakan untuk penganggaran model. Hanya pembolehubah tidak bersandar yang memenuhi syarat Stepwise sahaja iaitu JKPERM, JUMAKAWA, JUMAKATW dan KESEDARA dikekalkan. Keputusan regresi berganda ditunjukkan oleh nilai Pekali Penentu Berganda (R^2) adalah 0.61. Manakala nilai Pekali

Penentu Terlaras (R^2 Terlaras) pula adalah sebanyak 0.6. Ini bermakna bahawa persamaan regresi bagi model tersebut boleh menerangkan 61% variasi dalam jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang (JKPR). Seterusnya keputusan ujian – F menunjukkan nilai Fnya ialah 97.9 serta signifikan kerana nilai kebarangkalian $p < 0.05$. Oleh itu hipotesis nul bahawa pembolehubah – pembolehubah tidak bersandar tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam JKPR adalah ditolak. Akhirnya keputusan ujian – t pula menunjukkan nilai koefisien tidak terlaras bagi JKPERM, JUMAKAWA, JUMAKATW dan KESEDARA ialah 0.61, 0.4, 0.35 dan 0.24. Nilai koefisien terlaras keempat – empatnya pula adalah 0.66, 0.27, 0.23 dan 0.09. Nilai ini seterusnya menunjukkan bahawa satu perubahan yang terdapat dalam sisihan piawai JKPERM, JUMAKAWA, JUMAKATW dan KESEDARA akan menghasilkan perubahan sebanyak 0.66, 0.27, 0.23 dan 0.09 perubahan dalam JKPR. Fakta ini menjelaskan bahawa JKPERM merupakan faktor penyumbang yang paling signifikan berbanding dengan faktor lain dalam model regresi tersebut. Keputusan regresi berganda pula menunjukkan faktor – faktor TPENGT, TKAWAL dan TPENGT tidak termasuk dalam model. Kesemua pembolehubah ini adalah tidak signifikan kerana nilai pnya > 0.05 kecuali JUMAKATW dan JUMAKAWA. Oleh itu hipotesis nul bahawa koefisien regresi adalah kosong ditolak. Statistik Collinearity Tolerance pula menunjukkan keseluruhan nilai toleransi bagi setiap model hampir kepada 1, maka ia membuktikan hanya sedikit variabiliti bagi setiap pembolehubah tersebut dijelaskan oleh pembolehubah – pembolehubah tidak bersandar lain.

Hipotesis 5: Regresi Berganda

Pembolehubah bersandar bagi kajian ini ialah jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang (JKPDR). Manakala set pembolehubah tidak bersandar bagi model regresi ini pula terdiri daripada perbelanjaan akademik wajib (JUMAWA), jumlah perbelanjaan persendirian yang tidak dirancang (JUMCORAK), perbelanjaan akademik tidak wajib (JUMAKATW), kesedaran (KESEDARA), pengaruh (TPARUH), kawalan (TKAWAL) dan pengurusan (TPENGT). Analisis Regresi Berganda berdasarkan Kaedah Penghapusan dari Belakang (Stepwise) digunakan untuk penganggaran model. Hanya pembolehubah tidak bersandar JUMCORAK dan JUMAKATW sahaja dikekalkan. Keputusan regresi berganda ditunjukkan oleh nilai R^2 adalah 0.57. Manakala nilai R^2 Terlaras adalah sebanyak 0.56. Ini bermakna bahawa persamaan regresi bagi model tersebut boleh menerangkan 57% variasi dalam jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang (JKPDR). Seterusnya keputusan ujian – F menunjukkan nilai Fnya ialah 54.7 serta signifikan (nilai kebarangkalian pnya < 0.05). Oleh itu hipotesis nul bahawa pembolehubah – pembolehubah tidak bersandar tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam JKPDR adalah ditolak. Akhirnya keputusan ujian – t pula menunjukkan nilai koefisien tidak terlaras bagi JUMCORAK dan JUMAKATW ialah 0.52 dan 0.39. Nilai koefisien terlaras bagi kedua – duanya pula ialah 0.62 dan 0.27. Nilai ini menunjukkan bahawa satu perubahan dalam sisihan piawai JUMCORAK dan JUMAKATW akan menghasilkan perubahan sebanyak 0.62 dan 0.27 perubahan dalam JKPDR. Fakta ini menjelaskan bahawa JUMCORAK merupakan faktor penyumbang yang paling signifikan berbanding dengan faktor lain dalam model regresi tersebut. Seterusnya keputusan regresi berganda pula menunjukkan pembolehubah JUMAKATW, KESEDARA, TPENGT, TKAWAL dan TPENGT tidak termasuk dalam model. Kesemua pembolehubah ini adalah tidak signifikan kerana nilai pnya > 0.05 kecuali JUMAKATW. Oleh itu hipotesis nul bahawa koefisien regresi adalah kosong ditolak. Statistik Collinearity Tolerance pula menunjukkan keseluruhan nilai toleransi bagi setiap model adalah menghampiri 1, maka ia membuktikan bahawa hanya sedikit

variabiliti bagi setiap pembolehubah tersebut dijelaskan oleh pembolehubah – pembolehubah tidak bersandar lain.

DAPATAN DAN RUMUSAN

Kajian ini mengkaji penggunaan wang PTPTN di kalangan pelajar Diploma UiTM Zon Utara dengan mengkategorikan mereka kepada dua iaitu golongan pelajar yang merancang dan golongan pelajar yang tidak merancang. Manakala, wang PTPTN pula dibelanjakan untuk keperluan akademik wajib, keperluan akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian.

Keputusan analisis faktor menunjukkan bahawa terdapat empat faktor yang saling berkait dalam mempengaruhi penggunaan wang PTPTN pelajar. Keempat – empat faktor tersebut adalah tahap kesedaran, pengurusan UiTM, kawalan dan pengaruh. Keputusan analisis Koefisien Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) pula ialah 0.82 menunjukkan bahawa kesemua faktor tersebut boleh dipercayai.

Seterusnya keputusan ujian – t pula mendapati perbezaan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang dan yang tidak dirancang ditentukan secara signifikan oleh faktor jantina dan lokasi tempat tinggal tetap keluarga pelajar.

Keputusan ANOVA menunjukkan bagi pelajar yang merancang, jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN mereka tidak berdasarkan HPNG, sebaliknya ia didasari oleh perbezaan program pengajian, cawangan kampus UiTM, bahagian pengajian kini dan pendapatan keluarga. Manakala, bagi pelajar yang tidak merancang pula, jumlah keseluruhan penggunaan wang PTPTN mereka adalah sama tanpa mengambil kira tahap pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun, ianya berbeza mengikut program pengajian, bahagian pengajian kini, cawangan kampus UiTM dan HPNG. Bagi kedua – dua jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN sama ada merancang atau tidak merancang, keputusan ujian Post Hoc mendapati bahawa program pengajian Diploma Kejuruteraan, cawangan UiTM Pulau Pinang dan pelajar – pelajar bahagian enam mempunyai perbezaan yang paling ketara berbanding dengan yang lain.

Akhirnya, analisis regresi berganda dilaksanakan dalam dua set. Set pertama menggunakan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang sebagai pembolehubah bersandar manakala perbelanjaan akademik wajib, perbelanjaan akademik tidak wajib, perbelanjaan persendirian, tahap kesedaran, pengaruh, kawalan dan pengurusan UiTM sebagai set pembolehubah tidak bersandar. Hasil analisis menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang dirancang dipengaruhi secara positif oleh perbelanjaan akademik wajib, perbelanjaan akademik tidak wajib, perbelanjaan persendirian dan kesedaran pelajar. Di antara keempat – empat faktor ini, perbelanjaan persendirian paling dominan dalam menentukan jumlah perbelanjaan wang PTPTN di kalangan pelajar. Set kedua pula menggunakan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang sebagai pembolehubah bersandar dengan tujuh faktor yang sama sebagai set pembolehubah tidak bersandar. Keputusan menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN yang tidak dirancang ditentukan oleh dua faktor sahaja, iaitu perbelanjaan persendirian dan perbelanjaan akademik tidak wajib. Secara perbandingan, perbelanjaan persendirian lebih besar pengaruhnya terhadap jumlah perbelanjaan wang PTPTN tersebut daripada perbelanjaan akademik tidak wajib. Dengan demikian bagi kedua – dua golongan pelajar sama ada yang merancang atau yang tidak

merancang, perbelanjaan persendirian adalah pengaruh signifikan utama terhadap penggunaan wang PTPTN.

CADANGAN

Kajian mengenai penggunaan wang PTPTN dan faktor – faktor yang berkaitan di kalangan pelajar hendaklah lebih komprehensif, melibatkan persampelan yang lebih luas dengan mengambil kira dan membuat perbandingan penggunaan wang PTPTN bukan sahaja di kalangan pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda UiTM malah juga pelajar – pelajar IPTA dan IPTS yang lain. Skop kajian juga harus diperluaskan merangkumi sumber pembiayaan yang lain seperti biasiswa dan pinjaman negeri. Selain itu para pelajar perlulah berhemah ketika berbelanja dan mengubah sikap mereka supaya tidak boros, membeli alat – alat kosmetik mahupun pakaian berjenama mahal yang tidak berfaedah. Pihak pengurusan juga harus memainkan peranan dalam menyedarkan golongan pelajar supaya mereka lebih menghargai peruntukan wang PTPTN yang diberikan dengan menyediakan satu garis panduan penggunaan wang PTPTN yang lebih efektif di samping mengadakan bengkel – bengkel seperti pengurusan kewangan agar pelajar sentiasa merasa yakin dan dapat membuat ketetapan peruntukan perbelanjaan dengan lebih bersistematik pada setiap semester.

RUJUKAN

- Coakes, S. J. & Steed, L. G. 2001. *SPSS: Analysis Without Anguish*. Singapore: John Wiley & Sons.
- Hayhoe, C. R., Leach, L. J., Turner, P. R., Bruin, M. J. & Lawrence, F. C. Differences in Spending Habits and Credit Use of College Students. *The Journal of Consumer Affairs* **34** (1): 113 – 133. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).
- Hirt, J. B. & Nick, H. How Does The Students Manage Money: Some Developmental Implications. *NASPA Journal* **37** (1): 349 – 356. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (Tanpa Tarikh). Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. (Atas Talian) <http://keduak.moe.gov.my/eps/ptptn.htm> (2 Mei 2002).
- New Studies Characterize College Students Purchasing Behaviors: Predict The Habits of Future Main Street Consumers. 2001. Research by The National Association of College Stores Offers Retailers for Success With 18 to 24 Year Old Demographic. *Student Watch TM Campus Market Research*: March 6.
- Paulin, G. D. Expenditures of College – Age Students and Nonstudents. *Monthly Labor Review* **124** (7): 46 – 50. (Atas Talian) <http://proquest.umi.com/pqdweb> (15 July 2002).
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Lulus Lagi Pinjaman Pendidikan Kepada 42,448 Pelajar. 2002. *Utusan Malaysia*. 7 Ogos: 11.